

# Staf UPM diseru tingkat prestasi kerja dan kemahiran

Oleh: JULIE, PEJABAT PENDAFTAR

Foto: Abu Kassim Zaini

**MELAKA:** Usahasama Seksyen Latihan, Pejabat Pendaftar bergabung tenaga dengan Kesatuan Kakitangan Am UPM (KEPERTAMA) berjaya menganjurkan Kursus Pemantapan Prestasi Kerja dan Kepimpinan Staf Sokongan baru-baru ini.

Kursus yang diadakan di Sri Warisan Resort, Ayer Keroh Melaka ini memberi peluang penyertaan seramai 80 orang peserta yang terdiri daripada staf sokongan dari gred 26 ke bawah. Mereka terdiri daripada perjawatan di dalam bidang perkeranian (N), kewangan (W), pembantu makmal (C), pembantu pertanian (G), pembantu perpustakaan (S), juruteknik (J), pembantu teknologi (F) dan bidang perubatan (U).

Objektif kursus tersebut untuk memupuk kemahiran komunikasi yang berkesan agar budaya kerja berpasukan dapat diaplikasikan bagi meningkatkan kompetensi dan integriti staf. Ia sekali gus akan menjadi wahana kepada pencapaian matlamat Universiti untuk membangunkan sumber manusia untuk melahirkan perkhidmatan berkualiti.

Selain daripada itu, aspek kepimpinan turut dititik beratkan kerana

kebanyakan peserta terdiri daripada kumpulan sokongan senior yang turut terlibat dengan tugas berkaitan penyeliaan dan pemantauan di dalam pelbagai bumbung perjawatan. Penceramah berkaliber seperti encik Wan Azman Wan Omar, Timbalan Pendaftar Kanan UPM, Prof. Madya Dr. Mohd. Fadhil Che Din dan Dr. Shamsudin Ahmad dari Fakulti Pengajian Pendidikan serta Prof. Dr. Shaik Noor Alam, Pengarah Bahagian Perundang-undangan dijemput bagi menyumbang idea dan berkongsi ilmu.

Kursus selama tiga hari tersebut dirasmikan oleh Pemangku Pendaftar, Tuan Hj. Mohamed Ghazali Hj. Ali. Dalam ucapan perasmianya, Hj. Mohamed Ghazali juga mengekspresikan hasrat yang seiring dengan saranan YAB Perdana Menteri terhadap perlunya diberi tumpuan kepada 'modal insan' supaya keseimbangan pembangunan fizikal dan rohani tidak diabaikan.

"Sebagai sebuah universiti yang telah matang seiring dengan pencapaian usia ke-75 di persada pendidikan, tanggungjawab melahirkan generasi pemimpin bagi menjamin kesinambungan kepimpinan dan pembangunan negara harus dipikul oleh semua lapisan warga universiti. Ibarat

pepatah Melayu yang berbunyi, 'kerja baik berhimbauan, datang buruk berhamburan', iaitu bekerjasama di dalam kumpulan adalah perlu bagi mendapatkan hasil terbaik kerana kesepakatan amat menguntungkan sebagai 'kuat berdiri sebatang pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanahnya,'" kata Hj. Ghazali lagi.

Manakala Ketua Menteri Melaka, YAB Dato' Seri Mohd. Ali bin Rustam dalam ucapan di majlis penutup kursus tersebut juga meluahkan hasrat yang sama kerana pengalaman beliau yang pernah bertugas sebagai kerani di Lembaga Letrik Negara (kini Tenaga Nasional) dahulu turut menjelaskan betapa pentingnya peranan staf sokongan dalam menjayakan objektif organisasi atau majikan yang menaungi pekerjaanya.

Ketua Menteri Melaka juga merasa sangat bangga apabila UPM telah memilih Melaka sebagai destinasi pengajuran kursus dan kesudian itu disambut dengan tangan terbuka kerana selaras dengan slogan negeri Melaka yang berbunyi, 'Melawat Melaka Bersejarah Bererti Melawat Malaysia' dan beliau sedaya upaya meluangkan masa untuk bertemu ramah dengan para peserta.